

**MENAMBAHKAN PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA INGGERIS DALAM
PENDIDIKAN PRASEKOLAH MENGGUNAKAN KAEDAH BERMAIN DENGAN
PERKATAAN BAHASA INGGERIS
“MARI BERMAIN RIANG”**

Oleh

Albert Anak Menter
sir_albert@hotmail. com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk menilai sejauh manakah teknik bermain dengan suku kata dapat meningkatkan penguasaan kosa kata Bahasa Inggeris murid-murid prasekolah. Responden dalam kajian ini terdiri daripada murid-murid Prasekolah Bestari SK Pasir Sebutir, Kuching iaitu seramai 23 orang murid. Dalam kajian yang dijalankan, saya telah menggunakan teknik bermain dengan perkataan Bahasa Inggeris dalam meningkatkan kemahiran kanak-kanak menguasai kosa kata dalam Bahasa Inggeris untuk keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Hasil daptan daripada analisis yang telah dibuat didapati bahawa seramai 15 orang murid sudah dapat menguasai sepenuhnya kosa kata Bahasa Inggeris. Merujuk kepada daptan kajian tersebut maka dapat disimpulkan bahawa teknik bermain dengan perkataan Bahasa Inggeris ini dapat membantu murid prasekolah untuk menguasai kosa kata Bahasa Inggeris dalam kalangan murid prasekolah.

Kata kunci: Teknik bermain, kosa kata, Bahasa Inggeris

ABSTRACT

This action research was conducted to assess to what extent has the technique of play on vocabulary might enhance the ability of English vocabulary amongst preschool children. The respondents for this research consisted of preschool children from a Bestari Preschool of SK Pasir Sebutir, Kuching which was 23 in number. In this study, I have used playing with English words in enhancing the skills of children in their acquisition of English vocabulary in the process of ensuring the effectiveness of teaching and learning in the class. The findings indicated that a total of 15 children have been able to fully master the English vocabulary. From this result it can be concluded that the technique of playing with English words can assist a certain percentage of children to master English vocabulary in the preschool.

Keywords: Play technique, vocabulary, English Languages

PENGENALAN

Konteks

Penggunaan Bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian pada masa ini amat penting sejajar dengan perkembangan pendidikan di Malaysia sehingga ke peringkat globalisasi. Kementerian Pelajaran Malaysia telah mewajibkan semua pelajar di sekolah – sekolah di Malaysia ini untuk menguasai bahasa Inggeris dalam pelajaran mereka. Oleh itu, bagi merealisasikan impian Kementerian kita maka para pelajar perlu diajar sejak mereka dari bangku prasekolah lagi. Bak kata pepatah “melentur buluh biar dari rebung” menjadikan inspirasi bagi saya untuk membuat kajian mengenai penguasaan perkataan bahasa Inggeris dalam kalangan murid prasekolah ini. Jika dari awal persekolahan lagi murid sudah dapat menguasai bahasa Inggeris maka mereka akan dapat menguasai sepenuhnya bahasa Inggeris ini apabila mereka sudah berada di bangku sekolah perdana. Maka, menjadi tanggungjawab besar kepada guru prasekolah untuk mendidik serta melatih muridnya agar mereka sudah dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik sebelum melangkahkan kaki mereka ke alam persekolahan perdana nanti.

Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Saya menghadapi banyak masalah setiap kali pengajaran slot Bahasa Inggeris pada Praktikum Fasa 3 dijalankan. Murid-murid sering menghadapi masalah apabila diminta untuk mengingati pelajaran Bahasa Inggeris yang telah dipelajari. Murid-murid juga tidak dapat menyebut perkataan-perkataan yang telah dipelajari dalam pelajaran lepas. Sering kali saya akan mendengar mereka berkata, “Saya tak tahu lah, cikgu” dan kadang-kala murid-murid hanya mendiamkan diri sambil memandang ke arah guru (saya) mengharapkan jawapan dan sebutan daripada saya apabila tidak dapat menjawab pertanyaan dalam Bahasa Inggeris. Saya berasa kesal dan sedikit kecewa dengan tindak balas tersebut.

Namun begitu, saya mengakui bahawa mungkin saya tidak memberikan tunjuk ajar dengan baik pada pengajaran sebelumnya ataupun strategi pengajaran yang saya gunakan tidak sesuai dengan minat dan perkembangan mereka. Mereka terlalu bergantung kepada guru dan rakan-rakan yang lain untuk memberikan jawapan setiap kali diajukan soalan kepadanya. Masalah ini juga dihadapi oleh majoriti rakan-rakan saya yang berpraktikum di sekolah-sekolah lain di kawasan Kuching, Sarawak ini. Penggunaan Bahasa Inggeris murid-murid prasekolah ini sangat lemah terutamanya dari segi perbendaharaan kata dan juga perbualan mudah. Kegagalan menguasai kedua-dua aspek ini perlu ditangani dengan lebih awal agar masalah ini tidak bertambah dan berlarutan sehingga mereka menjakkan kaki ke kelas arus perdana.

Fokus Kajian

Walaupun terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh murid prasekolah ini, saya telah memfokuskan kajian saya terhadap satu masalah murid prasekolah ini iaitu penguasaan mereka dalam perkataan Bahasa Inggeris. Murid prasekolah ini masih mempunyai kelemahan dalam penguasaan perkataan Bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Bahasa Inggeris di dalam kelas. Mereka sering bermasalah dalam mengenali suku kata Bahasa Inggeris yang diajar oleh saya sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung selama tiga bulan saya melakukan praktikum di prasekolah tersebut.

Objektif Umum

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan penguasaan perkataan Bahasa Inggeris murid-murid Prasekolah.

Objektif Khusus

Objektif khusus kajian ini dijalankan adalah untuk;

(i) Mengetahui tahap penguasaan perkataan Bahasa Inggeris murid-murid Prasekolah selepas penggunaan teknik bermain dengan perkataan Bahasa Inggeris.

(ii) Meningkatkan penguasaan perkataan Bahasa Inggeris murid-murid Prasekolah dengan penggunaan teknik bermain dengan perkataan Bahasa Inggeris.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

(i) Adakah penggunaan teknik bermain dengan perkataan Bahasa Inggeris dapat meningkatkan penguasaan perkataan Bahasa Inggeris murid Prasekolah?

(ii) Bagaimanakah penggunaan teknik bemain dengan perkataan Bahasa Inggeris dapat meningkatkan penguasaan perkataan Bahasa Inggeris murid Prasekolah

Tujuan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk meningkatkan penguasaan murid prasekolah dalam perkataan bahasa Inggeris. Saya juga ingin memastikan bahawa teknik yang saya gunakan dalam kajian saya ini iaitu teknik bermain dengan perkataan bahasa Inggeris dapat meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid prasekolah. Adakah ia berjaya atau tidak, ia akan terjawab selepas selesainya kajian saya di akhir nanti.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Pelan Tindakan

Saya telah membuat pelan tindakan agar ia menjadi petunjuk kepada saya untuk melaksanakan kajian saya nanti. Selain itu, dengan pelan tindakan ini saya akan mengetahui proses kajian yang akan saya lakukan dan juga menjadi semakan bahagian mana yang belum saya jalankan lagi.

Perancangan

Murid akan diajar untuk mengenali perkataan mudah bahasa Inggeris dengan cara bermain dengan setiap perkataan tersebut. Murid akan diajar untuk bermain permainan huruf ini supaya mereka akan dapat menguasai permainan tersebut dan dapat menarik minat mereka untuk turut serta dengan aktiviti bermain. Beberapa suku kata yang dipilih diberi penekanan yang lebih. Murid akan diterangkan dengan maksud atau pengertian dalam Bahasa Melayu setiap suku kata yang ingin diuji. Permainan suku kata bahasa Inggeris ini akan dimainkan secara kerap seperti sewaktu rutin ataupun perbualan pagi serta dapat juga diterapkan di dalam pengajaran dan pembelajaran harian mereka.

METODOLOGI

Saya telah menggunakan metodologi kualitatif dalam kajian saya ini. Metodologi kualitatif ini saya gunakan untuk melengkapkan kajian saya iaitu bermain dengan perkataan dapat meningkatkan penguasaan perkataan bahasa Inggeris dalam kalangan murid prasekolah.

Peserta Kajian

Kumpulan sasaran saya adalah terdiri daripada murid prasekolah SK Pasir Dua Butir. Saya telah memilih 5 orang murid yang telah saya kenalpasti mempunyai masalah untuk menguasai kosa kata Bahasa Inggeris.

Etika Penyelidikan

Sebelum saya menjalankan kajian penyelidikan di sekolah, saya telah mengemukakan satu surat permohonan kepada pihak sekolah untuk menjalankan kajian tersebut. Surat tersebut adalah bertujuan untuk pemberitahuan kepada pihak sekolah agar tiada sebarang gangguan yang saya hadapi ketika menjalankan penyelidikan saya nanti.

TEKNIK MENGUMPUL DATA

Pemerhatian

Melalui teknik ini, saya telah melakukan pemerhatian saya terhadap perkembangan subjek saya sewaktu teknik bermain dengan perkataan bahasa Inggeris dijalankan. Sepanjang permainan tersebut berlangsung, saya memerhatikan setiap subjek sama ada mereka dapat mengenali setiap perkataan yang saya tunjukkan serta dapat menyusun setiap huruf yang disediakan untuk membentuk perkataan yang telah saya berikan kepada mereka.

Senarai Semak

Selepas melakukan pemerhatian tersebut, saya pun membuat satu senarai semak mengenai perkembangan setiap subjek melalui permainan dengan perkataan bahasa Inggeris yang saya jalankan kepada mereka.

Teknik Menganalisis Data

Hasil daripada analisis pemerhatian semasa tinjauan awal yang telah dijalankan, terdapat 5 orang murid mengalami masalah dalam penguasaan kosa kata Bahasa Inggeris. Masalah ini menyebabkan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran slot Bahasa Inggeris sedikit terganggu kerana murid tidak memahami apa yang diperkatakan oleh guru. Kelima-lima subjek telah dikenal pasti kurang aktif semasa sesi Pengajaran dan Pembelajaran slot Bahasa Inggeris dijalankan kerana masing-masing hanya menuturkan 2 kosa kata Bahasa Inggeris ke bawah sahaja dalam setiap slot Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Inggeris. Selepas 5 kali pemerhatian dibuat, jumlah kosa kata Bahasa Inggeris yang dituturkan oleh subjek A dan C adalah 4 kosa kata, subjek B adalah 2 kosa kata, subjek D dengan 3 kosa kata dan subjek E dengan 1 kosa kata. Hasil analisis mendapati subjek E telah dapat menjawab 8 soalan dengan tepat daripada 10 soalan yang telah diajukan iaitu sebanyak 80% sahaja. Subjek C dengan 80%, subjek D, 60% dan subjek A dan B masing-masing dengan 90%.

Hasil dapatan mendapati bahawa kelima-lima subjek kurang aktif semasa sesi Pengajaran dan Pembelajaran slot Bahasa Inggeris dijalankan. Subjek kurang memberikan perhatian dan hanya mendiamkan diri sepanjang P&P dijalankan. Subjek mempunyai kosa kata Bahasa Inggeris yang terhad. Oleh itu, latihan demi latihan perlu dilakukan bagi meningkatkan tahap penguasaan kosa kata subjek.

Teknik Menyemak Data


Dalam menyemak data yang telah saya kumpul dalam kajian saya, saya telah menyimpan data yang telah saya dapatkan di dalam jadual di bawah.

Jadual 1: Dapatan Kajian

Perkataan	Subjek yang terlibat				
	Subjek A	Subjek B	Subjek C	Subjek D	Subjek E
Pensil	√	√	√	X	√
Bag	√	√	√	√	√
Rubber	√	√	X	√	√
Sharpener	√	X	√	X	X
Ruler	X	√	√	X	√
Iron	√	√	√	√	√
Ball	√	√	√	√	√
Pillow	√	√	X	X	X
Knife	√	√	√	√	√
Fork	√	√	√	√	√

Menurut jadual tersebut, bagi simbol (√) diberikan, ia bermaksud subjek dapat membuat susunan huruf mengikut perkataan – perkataan yang disebutkan oleh guru, manakala bagi simbol (X) pula ia bermaksud murid tersebut gagal untuk menyusun huruf menjadi perkataan yang disebutkan oleh guru. Analisis daripada keputusan tersebut telah dapat saya kenalpastikan bahawa subjek – subjek telah dapat menguasai perkataan – perkataan mudah seperti “Bag”, “Ball”, “Iron”, “Knife” dan “Fork”. Manakala bagi perkataan yang lebih sukar seperti “Sharpener”, “Pillow”, “Pensil” dan “Rubber” cuma beberapa orang subjek sahaja yang dapat mengejanya dengan betul. Di bawah ini saya selitkan rajah dapatan kajian saya mengenai perkataan yang dapat dieja oleh murid serta perkataan yang tidak dapat dieja.


Selain itu, saya juga merekodkan dapatan kajian saya dalam bentuk rajah agar lebih jelas lagi berapakah peratusan hasil kerja subjek yang terlibat.



Rajah 1: Dapatan Kajian

Merujuk kepada rajah tersebut Subjek A dan Subjek B telah menguasai 90% daripada jumlah perkataan yang diberikan, Subjek C dan Subjek E telah menguasai 80% manakala Subjek D Cuma menguasai 60% daripada perkataan yang telah diberikan kepada mereka. Merujuk kepada analisis tersebut, dapat dikenalpasti bahawa terdapat peningkatan yang berlaku kepada semua subjek yang dipilih dalam penguasaan perkataan bahasa Inggeris mereka melalui teknik bermain dengan perkataan tersebut.

Seterusnya, saya sertakan data yang telah saya dapat dalam carta pai di bawah:



Rajah 2: Carta Dapatan Kajian

Merujuk kepada carta pai di atas, dapat dikenalpasti bahawa penguasaan subjek terhadap perkataan bahasa Inggeris adalah tertumpu kepada perkataan mudah, diikuti perkataan Sedikit sukar dan terdapat beberapa orang subjek yang belum dapat menguasai perkataan yang sukar.

Melalui permainan perkataan yang telah saya jalankan kepada subjek – subjek yang terlibat, berikut adalah contoh – contoh yang telah saya sertakan dalam kajian saya ini. Sepanjang permainan tersebut, saya telah mengambil gambar setiap hasil daripada huruf yang telah disusunkan oleh setiap subjek bagi membentuk satu perkataan bahasa Inggeris yang saya berikan kepada mereka.


REFLEKSI

Refleksi Dapatan

(i) Adakah penggunaan teknik bermain dengan perkataan Bahasa Inggeris dapat meningkatkan penguasaan kosa kata Bahasa Inggeris murid Prasekolah?

Ya, melalui teknik bermain tersebut, subjek kajian saya telah mula menguasai kosa kata Bahasa Inggeris. Mereka sudah dapat menyusun huruf membentuk satu perkataan yang telah saya berikan kepada mereka kerana melalui teknik bermain ini, mereka berasa seronok untuk melakukan aktiviti tersebut.

Lihat contoh dibawah ini sebelum dan semasa permainan dijalankan:



Sebelum

Selepas

(ii) Bagaimanakah penggunaan teknik bermain dengan perkataan Bahasa Inggeris dapat meningkatkan penguasaan kosa kata Bahasa Inggeris murid Prasekolah? Melalui teknik bermain dengan perkataan Bahasa Inggeris, penguasaan kosa kata Bahasa Inggeris murid prasekolah dapat dipertingkatkan kerana keseronokkannya murid untuk belajar kerana mereka lebih suka jika unsur permainan diselitkan di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran mereka. Seperti mana yang telah kita ketahui, murid prasekolah ataupun kanak – kanak pada awal persekolahan mereka akan lebih seronok untuk belajar sambil mereka bermain. Oleh sebab itu lah saya telah menggunakan teknik bermain ini untuk membantu meningkatkan penguasaan kosa kata murid prasekolah ini.

Refleksi Penilaian tindakan

Kajian ini telah disertai oleh murid prasekolah daripada sekolah tempat saya praktikum yang telah saya pilih melalui praktikum saya pada semester 7 saya. Melalui kajian ini telah dapat dikenalpasti tahap penguasaan sebenar subjek yang

telah terlibat untuk kosa kata bahasa Inggeris setelah menjalani teknik kajian yang saya guna iaitu teknik bermain dengan perkataan bahasa Inggeris. Hasil daripada kajian yang telah dijalankan di dapat bahawa subjek sudah menguasai perkataan – perkataan mudah setelah bermain dengan perkataan tersebut.

Namun masih terdapat subjek yang belum menguasai perkataan – perkataan yang lebih sukar kerana belum dapat dicapai oleh tahap penguasaan mereka. Melihat kepada perkara tersebut timbul dalam benak hati saya bertanya adakah mereka akan dapat menguasai perkataan bahasa Inggeris yang lebih sukar lagi selepas ini? Perkara tersebut tidak boleh dipandang enteng kerana ia mungkin akan terbawa – bawa oleh subjek setelah memasuki persekolah peringkat perdana nanti.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Kajian ini haruslah dijalankan secara berterusan kepada subjek yang terlibat untuk meningkatkan lagi penguasaan perkataan bahasa Inggeris mereka pada masa akan datang. Tindakan susulan harus diambil agar mereka tidak berterusan tidak menguasai perkataan – perkataan sukar bahasa Inggeris. Bagi memantapkan lagi penguasaan mereka teknik yang saya lakukan ini boleh membantu serba sedikit kerana melalui teknik bermain inilah subjek sudah dapat menguasai perkataan – perkataan mudah bahasa Inggeris.

Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Oleh kerana masih terdapat subjek yang belum menguasai sepenuhnya perkataan bahasa Inggeris maka tindakan susulan harus diambil untuk memantapkan lagi tahap penguasaan mereka. Untuk menangani masalah murid yang masih belum menguasai perkataan bahasa Inggeris yang sukar, guru prasekolah tersebut boleh mengaplikasikan teknik bermain yang saya gunakan kepada murid di dalam kelasnya.

Dalam hal ini, guru prasekolah boleh mengaplikasikan teknik bermain dengan perkataan bahasa Inggeris tersebut di dalam kelas tetapi guru prasekolah perlu lebih kreatif lagi dengan mengubah aras kesukaran setiap perkataan yang digunakan kepada murid di dalam kelasnya. Dengan kekerapan menggunakan teknik tersebut, maka ia akan dapat menambahkan lagi penguasaan murid terhadap perkataan bahasa Inggeris kerana murid – murid prasekolah biasanya akan lebih mengingati apa yang diajar kepada mereka jika mereka belajar secara berulang – ulang.

Selain itu, guru juga boleh membuat inovasi lain lagi untuk memperkemaskan lagi teknik yang telah saya kemukakan ini. Salah satu daripada teknik yang boleh guru prasekolah pakai adalah guru boleh tukar kad huruf kepada kad suku kata agar ia lebih mencabar lagi kepada murid prasekolah. Tetapi teknik itu boleh digunakan jika murid sudah menguasai perkataan menggunakan teknik bermain dengan menggunakan huruf.

Teknik bermain dengan huruf ini juga boleh guru prasekolah aplikasikan dalam pengajaran bahasa Malaysia. Sama seperti dalam pengajaran bahasa Inggeris, guru prasekolah juga perlu mengajar murid mengikut tahap aras kesukaran dari

yang mudah kepada yang lebih sukar. Cara ini juga boleh meningkatkan penguasaan murid dalam perkataan bahasa Malaysia.

Selain itu, murid juga akan berasa seronok untuk belajar sesuatu mata pelajaran yang diajar oleh guru jika diselitkan dengan unsur bermain seperti yang saya kemukakan dalam kajian saya ini. Hal ini adalah kerana, murid akan lebih mudah untuk menerima sesuatu yang diajar oleh guru jika mereka berasa seronok untuk belajar. Keseronokkan tersebutlah yang akan meningkatkan lagi keinginan murid prasekolah untuk belajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang disediakan oleh guru.

RUJUKAN

Akhiar Pardi, Shamsina Shamsuddin.(2010). Pengantar Penyelidikan Tindakan: dalam Penyelidikan Tindakan. Bangi: Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia(2008). 19 Mac 2012

Buku Manual Kajian Tindakan Edisi Ketiga. Putrajaya:BPPDP, KPM. Chua Y.P.(2006). 19 Mac 2012

Kaedah Penyelidikan Buku 1.Mc Graw-Hill (Malaysia) Sdn.Bhd. Helen Bee, D.B. (2007). 19 Mac 2012

The Developing Child, 8th Edition. Boston:Pearson Education, Inc. Hidayatul Akmal Hashim, N.M. (2010, Ogos 11). Cara Pemerolehan Bahasa Kedua. Didapatkan Mac 6, 2011 daripada Retibasa: http://retibasa.blogspot.com/2010/08/cara-pemerolehan-bahasa-kedua_11.html Kementerian Pelajaran Malaysia. (2009)